

Garis panduan Pengendalian Jenazah Islam Dari Aspek



disediakan oleh
Cawangan AIDS/STD
Kementerian Kesihatan Malaysia

Garis panduan pengendalian jenazah Islam dari aspek kesihatan



di sediakan oleh
**CAWANGAN AIDS/STI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Penulis

Dr. Rohani bte Ali Ketua Penolong Pengarah Cawangan AIDS/STD, KKM

Dr. Norhizan Ismail Pegawai AIDS Negeri Kedah

Penyunting

Dr. Rohani Ali

Dr. Abdul Rasid Kasri

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Kata-kata Aluan	i
1.0 Pengenalan	1
2.0 Langkah-langkah Am Pencegahan Jangkitan	1
3.0 Tujuan	2
4.0 Langkah-langkah yang perlu diambil	2
4.1 Pemilihan Pengendali Jenazah	2
4.2 Peralatan Perlindungan	3
4.3 Langkah-langkah Pencegahan Semasa Mengafan	6
4.4 Langkah-langkah Pencegahan Selesai Mengendali Jenazah	7
5.0 Kesimpulan	7
Rujukan	8
Penghargaan	9

Kata-Kata Aluan

Assalamualaikum wbrt.

Bilangan kes HIV di negara kita terus meningkat dan sehingga April 1999 seramai 30,939 orang telah dilaporkan dan 73% daripada mereka adalah dari kalangan orang-orang Islam. Angka kematian akibat HIV/AIDS akan bertambah pada tahun-tahun akan datang.

Pada tahun 1997 Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan satu garis panduan Pengendalian Jenazah Islam yang HIV positif dan garis panduan ini masih digunapakai. Walau bagaimanapun selain dari virus HIV, pengendali jenazah masih terdedah kepada jangkitan lain-lain mikroorganisma atau kuman berbahaya yang dibawa oleh jenazah. Sehubungan itu, garis panduan ini adalah satu maklumat sebagai panduan untuk pencegahan universal bagi mengelakkan pengendali jenazah dari dijangkiti mikroorganisma yang berbahaya. Semoga garis panduan ini dapat dipakai oleh semua Jabatan Agama Islam Negeri dan dapat memberi menafaat kepada mereka yang terlibat dalam pengendalian jenazah.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kejasama yang diberikan oleh pihak JAKIM Jabatan Perdana Menteri dalam penerbitan garis panduan ini.

Wassalam.

DR. HJ. MOHAMAD TAHA BIN ARIF

Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

1.0 PENGENALAN

Mikroorganisma patogenik merupakan mikroorganisma yang boleh menyebabkan penyakit apabila ianya menjangkiti tubuh manusia. Di antara mikroorganisma tersebut adalah bakteria, virus dan parasit. Mikroorganisma patogenik ini boleh di dapati di dalam berbagai cecair tubuh manusia seperti darah, air mani, cecair faraj, najis, air kencing, kahak, nanah, air mentoban dan lain-lain.

Darah dan cecair tubuh seseorang yang mengandungi mikroorganisma patogenik mampu menjangkiti manusia lain sekira ianya berjaya memasuki tubuh manusia tersebut. Mikroorganisma patogenik ini boleh memasuki tubuh manusia melalui mukosa mata, mulut, pecahan atau luka pada permukaan kulit, saluran pernafasan, saluran pemakanan dan saluran alat kelamin.

Jenazah manusia juga berkemungkinan mempunyai mikroorganisma patogenik yang boleh mengancam kesihatan pengendali-pengendali jenazah sekiranya mikroorganisma tersebut berjaya memasuki tubuh mereka yang mengurus serta mengendalikan jenazah. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab setiap pengendali jenazah supaya mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menghalang diri mereka daripada dijangkiti mikroorganisma patogenik seperti yang disebut di atas.

2.0 LANGKAH AM PENCEGAHAN JANGKITAN

Setiap pengendali jenazah perlu menyedari hakikat bahawa setiap jenazah yang dikendalikan berkemungkinan dijangkiti mikroorganisma patogenik. Oleh yang demikian, langkah am pencegahan jangkitan perlu sentiasa diawasi bagi melindungi daripada dimasuki mikroorganisma patogenik seperti yang menyebabkan penyakit sifilis, malaria, termasuk virus yang berbahaya seperti HIV (Human Immunodeficiency virus) dan virus hepatitis.

Langkah am pencegahan adalah perlu kerana kita tidak mungkin tahu samada jenazah yang dikendalikan mempunyai mikroorganisma patogenik melainkan ujian makmal telah dilakukan serta ianya dimaklumkan kepada pengendali jenazah oleh pihak tertentu termasuk kaum keluarga jenazah.

3.0 TUJUAN

Tujuan langkah am pencegahan jangkitan di kalangan pengendali-pengendali jenazah dari aspek kesihatan ialah bagi melindungi mereka daripada dijangkiti mikroorganisma patogenik.

Pengendali jenazah perlu melindungi bahagian tubuh badan mereka yang mungkin terdedah kepada jangkitan seperti mukosa mata dan rongga mulut dan permukaan kulit yang luka, pecah atau terkoyak terutama di bahagian tangan yang bersentuhan dengan jenazah.

Membersihkan anggota badan yang tercemar semasa mengendalikan jenazah seperti tangan adalah perlu bagi mengelakkan jangkitan melalui saluran pemakanan.

4.0 LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DI AMBIL

4.1 Pemilihan Pengendali Jenazah

Langkah-langkah pencegahan perlu diambil kira dari peringkat pemilihan pengendali jenazah. Faktor-faktor berikut perlu diberi keutamaan;

- i. Pengendali jenazah harus dihadkan kepada bilangan yang sekecil mungkin, sebaik-baiknya tidak melebihi empat (4) orang untuk satu mayat.

- ii. Pengendali jenazah sebaik-baiknya terdiri dari kalangan ahli keluarga atau mahram simati dan petugas/pegawai masjid yang terlatih dalam mengendalikan jenazah dari aspek pencegahan penyakit berjangkit.
- iii. Memastikan setiap pengendali jenazah tidak mengalami sebarang luka, kudis atau permukaan kulit yang pecah atau terkoyak. Sekiranya mereka mengalami keadaan sedemikian dan ingin turut serta mengendalikan jenazah maka mereka perlu melindungi permukaan tersebut dengan balutan kalis air (waterproof dressing). Mereka yang mengalami penyakit kulit seperti eczema, dermatitis dan sebagainya adalah tidak digalakkan mengendalikan jenazah.

4.2 Peralatan Perlindungan Yang Diperlukan

Secara amnya, pengendali jenazah hendaklah memakai sarung tangan yang kalis air dan seelok-eloknya memakai 2 pasang. Ini bertujuan sekiranya lapisan luar terkoyak, masih ada satu lapisan yang masih berfungsi.

4.2.1 Jenazah Yang Tiada Perdarahan/lelehan cecair serta utuh permukaan tubuh.

Peralatan yang diperlukan ialah dua pasang sarung tangan getah (latex).

Langkah ini perlu kerana bagi mengelakkan luka terutama semasa mencuci rongga mulut jenazah yang memungkinkan lapisan sarung tangan tersebut terkoyak.

Sekiranya terdapat forsep, maka seelok-eloknya forsep digunakan bagi mencuci rongga-rongga mulut, telinga, hidung, dubur dan faraj.

PERINGATAN

Sebaik-baiknya sarung tangan yang digunakan adalah jenis pakai-buang (disposable). Sekiranya sarung tangan tersebut ingin dipakai semula maka ianya perlu direndam terlebih dahulu di dalam larutan peluntur (Chlorox) (1:10) selama 30 minit setelah itu dibilas dan dikeringkan.

4.2.2 Jenazah Yang Mengalami Perdarahan/Lelehan Cecair atau permukaan tubuh yang tidak utuh.

Peralatan yang diperlukan adalah seperti berikut,

i. Dua pasang sarung tangan getah (latex)

ii. Apron Plastik

Ini dapat melindungi tubuh pengendali jenazah daripada percikan darah atau cecair daripada jenazah yang dikendalikan.

PERINGATAN

Apron yang tercemar oleh air mandian perlu direndam di dalam larutan peluntur (1:10) selama 30 minit sebelum di bersihkan.

iii. Pelindung mata

Pengendali jenazah adalah digalakkan memakai cermin mata atau pelindung mata bagi melindungi mata mereka daripada percikan darah atau cecair semasa memandikan jenazah.

Sekiranya tidak memakai cermin mata maka pemandian jenazah perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya tidak berlaku percikan darah/cecair atau air mandian ke bahagian muka para pengendali jenazah.

iv. Mask / Pelindung mulut dan hidung

Peralatan ini mampu menghalang percikan terhadap mukosa / lapisan mulut atau hidung.

v. Takungan mandian jenazah

Untuk memandikan jenazah adalah sangat-sangat digalakan menggunakan takungan bagi mengelakan air mandian dari terkena para pengendali.

vi. Forsep

Sebaik-baiknya forsep digunakan bagi mencuci rongga mulut, hidung, telinga, dubur dan faraj. Forsep yang telah digunakan perlu direndam di dalam larutan peluntur sebelum dicuci sepenuhnya.

NOTA

i. Pembuangan air mandian jenazah

Air mandian jenazah perlulah dibuang dengan disalurkan ke dalam longkang atau lubang bagi dilupuskan.

Kawasan pemandian jenazah seperti lantai serta dinding yang tercemar oleh air mandian perlu dicuci dengan menggunakan larutan peluntur (1:10) dan dibilas dengan air secukupnya.

ii. Penyucian kain serta pakaian jenazah pengendali

Kain serta pakaian yang tercemar oleh darah, najis dan nanah perlu direndam terlebih dahulu dengan menggunakan larutan peluntur (1:10) selama 20 hingga 30 minit sebelum dibasuh dan dibilas dengan air bersih.

4.3 Langkah Pencegahan Semasa Mengafankan Jenazah

4.3.1 Jenazah Yang Tiada Perdarahan/ lelehan cecair serta utuh permukaan tubuh.

Jenazah yang sedemikian hanya perlu diuruskan mengikut panduan yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Pemakaian sarung tangan getah tidak dimestikan kerana jenazah telah dimandikan. Jenazah kemudiannya disembahyangkan dan dikebumikan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

4.3.2 Jenazah Yang Mengalami Perdarahan /Lelehan Cecair atau permukaan tubuh yang tidak utuh.

Pengendali jenazah hendaklah memakai sarung tangan getah semasa mengafankan jenazah sedemikian. Tempat untuk mengafankan jenazah sebaik-baiknya dilapik dengan plastik yang bersih. Lapisan plastik ini dapat mengatasi lantai daripada dicemari darah atau cecair daripada jenazah. Jenazah kemudiannya dikafan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.

Sekiranya darah atau cecair dari tubuh jenazah boleh meresap keluar sehingga ke lapisan luar kain kafan, dinasihatkan supaya meletakkan satu lapisan plastik lembut sebelum lapisan terakhir kain kafan, kemudian disembahyangkan dengan segera. Selepas itu jenazah dialihkan ke dalam keranda dan dibawa ke kubur untuk dikebumikan.

4.4 Langkah Pencegahan Setelah Selesai Mengendalikan Jenazah

- 4.4.1 Para pengendali jenazah harus memastikan tangan dicuci sehingga bersih dengan menggunakan sabun setelah selesai mengendalikan jenazah. Sebaik-baiknya pengendali jenazah mandi menyucikan diri selepas mengendalikan jenazah bagi membersihkan diri dari sebarang mikroorganisma yang mungkin mencemari tubuh mereka semasa mengendalikan jenazah.
- 4.4.2 Sebaik-baiknya barang-barang yang digunakan semasa penyelenggaraan jenazah yang tercemar dengan darah atau cecair hendaklah ditanam atau dibakar.

5.0 KESIMPULAN

Garis panduan ini merupakan langkah pencegahan am yang ditujukan kepada semua pengendali jenazah. Ianya bertujuan melindungi para pengendali jenazah daripada dijangkiti mikroorganisma patogenik yang mungkin berlaku semasa pengendalian jenazah. Pengendali-pengendali jenazah harus berwaspada setiap kali mengendalikan jenazah kerana mereka terdedah kepada risiko jangkitan berbagai jenis mikroorganisma patogenik.

RUJUKAN

1. P. Tikki (1989). Konsep Asas Patogenesis Penyakit Berjangkit, Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Ministry of Health Malaysia. (1995). Universal Infection Control Precautions-AIDS Series 6
3. Kementerian Kesihatan Malaysia (1997), Pekeliling Garispanduan Pengurusan Jenazah HIV/AIDS Positif.



PENGHARGAAN

“Setinggi penghargaan diucapkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia kerana memberi kerjasama dalam penyediaan garispanduan ini.”



